

**Peserta Industri Logam Berharga Mahu Pengecualian GST  
Bernama  
12 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Peserta industri logam berharga mahu kerajaan mengecualikan cukai barang dan perkhidmatan (GST) bagi pelaburan dalam logam tersebut kerana ia merupakan bentuk alternatif instrumen pelaburan yang sama dengan saham dan bon.

Pengerusi Eksekutif Public Gold Group, Datuk Louis Ng, berkata emas fizikal tidak lagi menjadi instrumen berdaya maju bagi pelaburan dan sebagai pelindung nilai daripada inflasi dan turun naik pertukaran asing sekiranya GST dikenakan.

"Dengan mengecualikan GST bagi pelaburan logam berharga seperti yang dilakukan oleh kebanyakan negara lain, lebih banyak wang akan mengalir masuk ke dalam negara dan ini akan menarik pelabur.

"Ia juga boleh menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk berdagang dan meningkatkan keseluruhan kekayaan negara," katanya.

Ng berkata demikian pada akhir forum setengah hari mengenai 'GST bagi Pelaburan Logam Berharga' di sini, Rabu.

Forum itu dianjurkan oleh Public Gold, syarikat dagangan emas dan perak fizikal tempatan.

Penolong Pengarah Kanan 1 Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Bahagian GST, Rohana Ahmad, dalam pembentangan beliau berkata GST akan dikenakan sebanyak enam peratus bagi pelaburan dalam logam berharga manakala emas kertas tidak akan dikenakan GST.

"Nampaknya isu sekarang adalah peserta tidak begitu gembira dengan kadar standard GST (enam peratus) bagi dagangan produk emas fizikal," katanya.

Rohana berkata pelaburan dalam logam berharga -- emas, perak dan platinum -- perlu berada dalam standard ketulenan tertentu dan memenuhi keperluan pertukaran kewangan antarabangsa.

"Sekiranya peserta boleh menyokong permintaan hari ini dengan bukti kukuh dan membentangkannya dalam kertas kerja, jabatan akan mengkajinya untuk kemungkinan dipertimbangkan," katanya kepada Bernama di luar forum itu di sini, Rabu.

Pada akhir forum, para peserta menubuhkan jawatankuasa penasihat untuk mendapatkan lebih banyak pandangan tentang pelaksanaan GST bagi pelaburan dalam logam berharga.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021365>